



Kelantan adakan solat Istisqa di kawasan terjejas kemarau

Exco Kesihatan cadang langkah keselamatan hadapi cuaca panas

Pelajar Cemerlang SPM 2025 diseru jadi insan berilmu, bertakwa

SPM 2025: 97.84 peratus pelajar YIK lulus, 41 sekolah capai 100 peratus

## Pemangku Raja Kelantan angkat sumpah Pengerusi SPN Kelantan baharu

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 31 Mac – Pemangku Raja Kelantan Yang Maha Mulia Tengku Muhammad Fakhry Petra ibni Almarhum Sultan Ismail Petra berkenan mengangkat sumpah sebagai Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN) Kelantan yang baharu.

Majlis tersebut berlangsung di Istana Kota Lama pada Isnin.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata, dalam majlis berkenaan, Yang Maha Mulia Tuanku berkenan mengangkat sumpah sebagai Pengerusi SPN Kelantan yang baharu serta menandatangani dokumen angkat sumpah.

“Istiadat mengangkat sumpah tersebut disaksikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Kota Bha-

“Semoga SPN Negeri Kelantan terus diperkasa dalam memperkukuh tadbir urus serta meningkatkan mutu perkhidmatan demi kesejahteraan rakyat dan negeri,”

ru Yang Arif Dato’ Hasbullah Adam,” katanya menerusi media sosial, semalam.

Menurutnya, pelantikan tersebut adalah sebagai satu langkah penting dalam memperkukuh peranan SPN sebagai institusi utama dalam memastikan kelancaran urusan perkhidmatan awam negeri.

“Semoga SPN Negeri Kelantan terus diperkasa dalam memperkukuh tadbir urus serta meningkatkan mutu perkhidmatan demi kesejahteraan rakyat dan negeri,” ujarnya.



## Syabas dan tahniah kepada pelajar SPM 2025 – MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 31 Mac – Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua pelajar yang berjaya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 dengan pencapaian masing-masing.

Kata beliau, setiap keputusan yang diperoleh wajar disyukuri sebagai ketentuan Allah SWT, di samping menghargai peranan guru serta ibu bapa yang menjadi tonggak utama kejayaan pelajar.

“Saya ucapkan tahniah kepada anak-anak atas pencapaian dalam peperiksaan SPM. Ucapkanlah syukur kepada Allah SWT atas segala keputusan yang diperoleh.

“Jangan dilupakan jasa guru



yang mendidik serta ibu bapa yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan,” katanya di media sosial, hari ini.

Menurutnya, para pelajar kini berada di ambang fasa baharu kehidupan selepas menamatkan alam persekolahan, sekali gus perlu bersedia untuk menentukan hala tuju masing-masing.

“Apa jua bidang yang dipilih perlu dilaksanakan dengan penuh

keikhlasan dan kesungguhan kerana Allah SWT agar setiap usaha menjadi sebahagian daripada amal soleh.

“Lakukanlah setiap perkara dengan bersungguh-sungguh supaya kejayaan yang dicapai bukan sahaja di dunia, malah di akhirat,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan bahawa kejayaan di dunia dan di akhirat tersebut selari

dengan dasar Kerajaan Negeri Kelantan iaitu Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang kini diteruskan melalui Strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI).

Tambahnya, terdapat tiga prinsip utama yang menjadi teras iaitu Ubudiyah, Mas’uliyah dan Itqan (UMI) yang membawa maksud pengabdian kepada Allah SWT, amanah dalam tanggungjawab serta kesungguhan dan kecemerlangan dalam setiap pekerjaan.

Sehubungan itu, beliau menyeru para pelajar agar menanam nilai-nilai berkenaan dalam diri dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

“Semoga setiap langkah dan usaha kita sentiasa diberkati serta membimbing kita menjadi hamba Allah yang bertakwa,” ujarnya.

# Rakyat dinasihati jaga kesihatan dan elak risiko berlaku kebakaran - MB Kelantan



Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU, 29 Mac** - Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasuruddin Daud menasihati rakyat Kelantan supaya sentiasa menjaga kesihatan serta mengambil langkah berjaga-jaga berikutan keadaan cuaca panas dan kering yang melanda negeri itu ketika ini.

Katanya, keadaan persekitaran yang kering, termasuk semak samun yang mati, meningkatkan risiko kebakaran, terutama jika terdapat kecuaiannya seperti membuang puntung rokok yang masih menyala.

"Saya nasihatkan rakyat Kelantan supaya jaga kesihatan. Dalam keadaan cuaca panas ini, kita lihat banyak berlaku kebakaran. Kadang-kadang ia berpunca daripada perkara kecil seperti puntung rokok yang tidak dipadam sepenuhnya.

"Api boleh bermula daripada kecil dan kemudian merebak dengan cepat, lebih-lebih lagi apabila kawasan semak samun sudah kering," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau turut berkongsi kejadian kebakaran yang berlaku berhampiran jalan ke Masjid Meranti baru-baru ini yang dipercayai berpunca daripada api kecil sebelum merebak menjadi lebih besar.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan orang ramai supaya memastikan puntung rokok dipadam sepenuhnya sebelum dibuang, selain menyarankan agar tabiat merokok dielakkan demi keselamatan dan kesihatan.

Menurutnya, langkah tersebut diambil susulan amaran cuaca panas Tahap 2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia dan wajar disokong demi keselamatan murid.

"Sebagai pengamal perubatan, saya ingin menegaskan bahawa pendedahan berpanjangan kepada suhu melebihi 37 darjah Celsius bukan sahaja menjejaskan tumpuan pembelajaran, malah boleh membawa kepada risiko kesihatan serius seperti kelesuan haba dan strok haba yang berpotensi mengancam nyawa," katanya dalam satu ken-

yataan media, hari ini.

Sehubungan itu, beliau turut mengemukakan tiga cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak berkaitan bagi mendepani situasi cuaca ekstrem yang semakin kerap berlaku.

Cadangan pertama ialah pelaksanaan "Sistem Amaran Awal Sekolah" yang menghubungkan data suhu masa nyata daripada MetMalaysia dengan pihak sekolah.

Menurutnya, menerusi sistem itu, pihak sekolah boleh mengambil tindakan segera seperti menangguhkan aktiviti luar tanpa perlu menunggu arahan rasmi.

Selain itu, beliau mencadangkan inisiatif "Sekolah Hijau & Teduh" sebagai langkah jangka panjang dengan menyediakan peruntukan khas bagi penanaman pokok teduhan serta pemasangan sistem pendinginan pasif di sekolah, khususnya di kawasan dikenal pasti sebagai titik panas.

Dalam pada itu, garis panduan

nutrisi dan hidrasi mandatori juga disarankan, termasuk penyediaan air minuman percuma yang mencukupi di kantin sekolah serta pengurangan jualan makanan berminyak dan pedas sepanjang tempoh gelombang panas.

Tambahnya, pendidikan asas berkaitan simptom awal strok haba juga perlu diberikan kepada murid bagi membolehkan mereka lebih peka terhadap keadaan diri dan rakan sebaya.

Dr Wan Martina turut menyeru ibu bapa di seluruh negara agar memainkan peranan aktif sepanjang tempoh PdPR dengan memastikan anak-anak kekal berada di dalam rumah serta mengambil air secukupnya.

"Keselamatan anak-anak adalah keutamaan yang tidak boleh dikompromi. Kita perlu beralih daripada pendekatan reaktif kepada strategi yang lebih proaktif serta berdaya tahan dalam menghadapi perubahan iklim," ujarnya.



## Kelantan adakan solat Istisqa di kawasan terjejas kemarau



Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU, 30 Mac** - Kerajaan negeri Kelantan akan mengadakan solat Istisqa di beberapa kawasan yang terjejas akibat cuaca panas dan kekurangan air dalam masa terdekat.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud

memaklumkan bahawa pelaksanaan solat tersebut akan diadakan pada hari ini dan esok di Kawasan yang terkesan.

"Buat masa ini solat Istisqa belum dilaksanakan di peringkat negeri kerana situasi kemarau masih terkawal di sebahagian kawasan, namun langkah itu diambil secara bersasar di lokasi yang mengalami kekeringan seperti Machang, Pasir Puteh dan Bachok."

Dalam pada itu katanya, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) turut mengarahkan beberapa masjid untuk melaksanakan solat Istisqa bagi membolehkan orang ramai bersamasama bermunajat memohon agar diturunkan hujan.

"Usaha ini diharap dapat

meredakan cuaca panas, mengelakkan tanah menjadi terlalu kering serta membantu memulihkan sumber air," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau turut menyeru masyarakat agar memperbanyakkan doa serta lebih berhati-hati sepanjang musim panas ini, termasuk menge-

lakkan aktiviti berisiko seperti bermain mercun dan bunga api dan tidak membuang puntung rokok yang boleh mencetuskan kebakaran.

"Kes kebakaran dilaporkan semakin meningkat, jadi kita perlu ambil pengajaran dan lebih berwaspada," katanya.



## 22 balai Bomba Kelantan siap siaga hadapi peningkatan kebakaran terbuka

Oleh: Syamimi Manah

**KOTA DARULNAIM, 30 Mac** – Semua 22 Balai Bomba di seluruh Kelantan berada dalam keadaan siap siaga susulan peningkatan kes kebakaran terbuka yang merekodkan lebih 1,000 kejadian dalam tempoh Januari hingga 29 Mac tahun ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, setiap Balai Bomba kini dilengkapi jentera dan peralatan mencukupi bagi memastikan operasi pemadaman dapat dilaksanakan dengan pantas dan berkesan.

Menurutnya, kesiapsiagaan itu melibatkan 28 jentera bomba, tujuh tangki air berkapasiti 10,000 dan 20,000 liter serta sebuah jentera jenis hidro-sub.

“Semua 22 balai bomba di negeri ini telah diletakkan dalam keadaan siap siaga dengan kekuatan aset sedia ada bagi menghadapi sebarang kemungkinan peningkatan kebakaran terbuka,” katanya menerusi kenyataan di laman rasmi, hari ini.

Beliau berkata, berdasarkan laporan Pusat Gerakan Operasi



Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Kelantan, sebanyak 1,418 kes kebakaran direkodkan di seluruh negeri sepanjang tempoh Januari hingga 29 Mac 2026.

Daripada jumlah itu, katanya, sebanyak 1,089 kes membabitkan kebakaran terbuka yang menjangkakan kira-kira 4,000 ekar kawasan.

“Kebakaran belukar mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 880 kes, diikuti kebakaran hutan sebanyak 114 kes, kebakaran sampah 70 kes dan kebakaran ladang 25 kes,” katanya.

Menurutnya lagi, daerah Kota Bharu mencatatkan jumlah kebakaran terbuka tertinggi dengan 400 kes, diikuti Bachok sebanyak 278 kes dan Pasir Mas 173 kes.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan pemantauan lapangan kini memberi tumpuan khusus kepada kawasan tanah gambut seluas 19,000 ekar yang meliputi Bachok, Tumpat, Pasir Puteh, Tok Bali dan Pasir Mas.

Beliau menjelaskan, peningkatan mendadak panggilan berkaitan kebakaran terbuka pada bulan Mac, yang mewakili 64 peratus daripada jumlah keseluruhan kes, menunjukkan keperluan untuk semua pihak lebih berwaspada.

“Semua pihak perlu memainkan peranan, termasuk orang awam, bagi mengelakkan pembakaran terbuka daripada terus berlaku,” tegasnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa maklumat berkaitan kejadian kebakaran terbuka telah disalurkan

kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Jabatan Alam Sekitar bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 terhadap individu atau pemilik tanah yang dikenal pasti terlibat.

Walaupun keadaan semasa masih terkawal, beliau menegaskan operasi pemadaman tetap berdepan beberapa cabaran, termasuk kekurangan sumber air dan kesukaran akses ke lokasi kejadian.

Sehubungan itu, beliau menyeru orang ramai supaya tidak melakukan pembakaran terbuka serta sentiasa peka terhadap keadaan cuaca semasa bagi mengelakkan kejadian yang boleh mengancam keselamatan awam dan alam sekitar.

## Pengorbanan doktor satu jihad – YB Rohani



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 30 Mac** – Pengorbanan seorang doktor yang berkhidmat tanpa mengira waktu, sabar dalam merawat pesakit serta ikhlas menjalankan tugas disifatkan sebagai satu jihad yang besar nilainya di sisi Allah SWT.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, dedikasi golongan itu bukan sahaja mencerminkan profesionalisme tinggi, malah memperlihatkan keikhlasan dalam memastikan kesejahteraan masyarakat sentiasa terpelihara.

Menurutnya, setiap usaha dan

khidmat bakti yang dicurahkan oleh para doktor wajar dihargai dan didoakan agar sentiasa dipermudahkan segala urusan serta dikurniakan ganjaran berlipat ganda.

“Sempena sambutan Hari Doktor Sedunia hari ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga Kementerian Kesihatan Malaysia serta semua doktor yang menjadi barisan hadapan dalam menjaga nyawa dan kesejahteraan rakyat,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Beliau turut menegaskan bahawa peranan doktor sebagai benteng utama dalam sistem kesihatan negara amat penting, khususnya dalam mendepani cabaran kesihatan semasa.

Sehubungan itu, beliau berharap masyarakat terus memberikan sokongan dan penghormatan kepada profesion berkenaan yang sentiasa komited berkhidmat demi kepentingan umum.

“Selamat Hari Doktor kepada semua yang bergelar doktor,” katanya.



## YAKIN perhebat strategi pelaburan demi masa depan anak Kelantan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA DARULNAIM**, 30 Mac – Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) terus memperhebat strategi pelaburannya bagi memastikan dana pendidikan negeri kekal mampan, sekali gus menjamin masa depan anak-anak Kelantan melalui bantuan pendidikan yang berterusan dan berimpak tinggi.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berka-

ta, usaha memperkukuh pelaburan itu amat penting bagi memastikan YAKIN kekal teguh dari sudut kewangan dalam mendukung agenda pendidikan negeri.

Beliau berkata demikian ketika mempengerusikan Mesyuarat Pelaburan Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) di Kompleks Kota Darulnaim, semalam.

Menurutnya, mesyuarat berkenaan memberi tumpuan kepada perancangan pelaburan yang lebih

teliti, berhemah dan strategik supaya kelestarian dana pendidikan negeri dapat terus dipertahankan.

“Pendekatan ini amat penting bagi memastikan YAKIN terus kukuh dari segi kewangan dan berupaya menyalurkan bantuan pendidikan secara berterusan kepada anak-anak Kelantan,” katanya.

Menurutnya, Kerajaan Negeri sentiasa komited meletakkan pendidikan sebagai teras utama pem-

angunan, selain mahu memastikan lebih ramai pelajar di negeri ini memperoleh peluang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

“Kita mahu manfaat ini diperluaskan supaya lebih ramai anak Kelantan dapat meningkatkan taraf hidup melalui pendidikan yang berkualiti,” ujarnya.

Tambahnya, YAKIN memainkan peranan penting sebagai pemangkin kecemerlangan pendidikan negeri menerusi pengurusan dana yang cekap, tersusun dan berpandangan jauh.

“Insya Allah, dengan strategi yang diperkukuh dan pengurusan yang berkesan, YAKIN akan terus membantu melahirkan generasi berilmu yang mampu menyumbang kepada pembangunan negeri,” katanya lagi.

Turut hadir, Pengarah YAKIN Nik Jessim Tan Sri Nik Hashim.



## Patuhi undang-undang pembinaan, elak tindakan penguatkuasaan – Exco Kerajaan Tempatan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA DARULNAIM**, 30 Mac – Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah menegaskan kepentingan mematuhi undang-undang dalam setiap aspek pembinaan bagi menjamin keselamatan awam, kesejahteraan setempat dan keharmonian persekitaran.

Beliau berkata, orang ramai perlu sentiasa mematuhi peraturan sedia ada, termasuk Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta

133), sebelum melaksanakan sebarang kerja pembinaan atau penguatkuasaan.

“Dalam isu pembinaan struktur dan bangunan, semua rakyat diminta supaya sentiasa patuh kepada undang-undang sedia ada seperti Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

“Pematuhan ini bukan sekadar kewajipan, tetapi satu bentuk persetujuan dan tanggungjawab bersama demi kebaikan umum,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya, orang ramai juga diingatkan supaya merujuk terlebih dahulu kepada pihak berkuasa tempatan sebelum memulakan sebarang kerja pembinaan atau penguatkuasaan, khususnya yang melibatkan tanah rizab kerajaan serta kegunaan awam.

Katanya, rujukan awal amat penting bagi memastikan setiap binaan mematuhi garis panduan yang ditetapkan, sekali gus mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil.

Sementara itu, menurut kenyataan media Majlis Daerah Kete- reh Perbandaran Islam (MDKPI), tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan susulan pemeriksaan yang mendapati terdapat binaan melanggar syarat ditetapkan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).


Berikutan itu, notis kesalahan serta tawaran kompaun telah dikeluarkan kepada pemilik premis terlibat.

Kenyataan tersebut juga menyata- kan tindakan penutupan sementara turut dikenakan bagi memasti-

kan pemilik mematuhi sepenuhnya peraturan yang berkuat kuasa, di samping mengelakkan sebarang risiko keselamatan kepada orang awam.

“Pihak kerajaan negeri tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang gagal mematuhi peraturan, khususnya melibatkan pembinaan tanpa kelulusan.

“Justeru, orang ramai diseru agar sentiasa mematuhi undang-undang yang ditetapkan demi menjamin keselamatan, kesejahteraan serta keharmonian persekitaran setempat,” tegasnya.



# Exco Kesihatan cadang langkah keselamatan hadapi cuaca panas



Oleh: Syamimi Manah

**KOTA DARULNAIM, 30 Mac** – Orang ramai diseru agar meningkatkan langkah berjaga-jaga susulan peningkatan suhu semasa yang boleh menjejaskan kesihatan.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata,

keadaan cuaca panas yang semakin ketara boleh memberi kesan serius kepada kesihatan sekiranya langkah pencegahan tidak diambil sejak awal.

“Orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga bagi melindungi diri dan keluarga daripada risiko cuaca panas,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau turut menyarankan beberapa langkah penting antaranya memastikan pengambilan air yang mencukupi sekurang-kurangnya dua hingga tiga liter sehari, mengurangkan aktiviti luar terutamanya antara waktu tengah hari hingga petang serta menggunakan pelindung

seperti topi atau payung di samping memakai pakaian yang ringan dan sesuai.

Dalam pada itu, YB Hilmi menegaskan bahawa pendedahan berpanjangan kepada cuaca panas boleh menyebabkan dehidrasi, iaitu kehilangan air dalam badan yang boleh mengakibatkan simptom seperti pening dan keletihan.

“Jika keadaan menjadi lebih serius, ia boleh membawa kepada strok haba yang berisiko menyebabkan pengsan malah kematian sekiranya tidak dirawat segera,” jelasnya.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan segera sekiranya mengalami

simptom berkaitan serta mendapatkan nasihat daripada pegawai perubatan.

Exco Kesihatan juga menyeru para ibu bapa agar lebih berwaspada terhadap pergerakan anak-anak, khususnya ketika musim panas, memandangkan kes kematian akibat cuaca panas pernah dilaporkan sebelum ini.

Tambahnya, musim kemarau turut meningkatkan risiko kebakaran terbuka termasuk kebakaran hutan gelam di kawasan Bachok.

“Orang ramai diingatkan supaya tidak melakukan sebarang pembakaran terbuka bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini” ujarnya.

## Inisiatif bersepadu pemimpin-AKSB salur bantuan segera air di Mengkebang

Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KUALA KRAI, 29 Mac** - Bantuan bekalan air segera digerakkan secara bersepadu melibatkan wakil rakyat dan Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) bagi menangani isu tekanan air rendah yang menjejaskan kira-kira 250 penduduk di empat kampung dalam DUN Mengkebang sejak awal Ramadan.

Inisiatif tersebut dilaksanakan oleh Pejabat Khidmat DUN (PKD) Mengkebang bersama Ahli Dewan Negeri (ADN) Mengkebang YB Zubir Abu Bakar serta Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latif Abdul Rahman bagi memastikan bekalan air terus disalurkan ke kawasan terjejas termasuk Kampung Cenulang, Kampung Bedal, Kampung Sepuluh dan Kampung Padang 10 Senagar.

Penduduk yang terjejas akibat musim kemarau berlarutan dan faktor geografi berbukit kini menerima bekalan air melalui pengoperasian lori tangki AKSB secara berkala setiap dua hari ke lokasi kritikal.

Selain itu, langkah tambahan turut digerakkan oleh pihak ADN Mengkebang dengan menyewa lori berserta tangki air yang diisi terus daripada sumber paip AKSB sebelum diagihkan dari rumah ke ru-



mah bagi mempercepatkan penyaluran bekalan kepada penduduk.

Dalam masa sama, penyelesaian jangka sederhana turut dilaksanakan melalui pembinaan tandak air sebagai pusat tadahan serta pemasangan paip poli paip bagi menyalurkan bekalan air secara lebih sistematik ke kediaman penduduk.

Usaha tersebut turut mendapat kerjasama erat masyarakat setempat yang bergotong-royong membantu kerja pemasangan paip, sekali gus mempercepatkan proses pemulihan bekalan air di kawasan




terlibat.

Sementara itu, YB Zubir dalam satu kenyataan merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang bertungkus lumus memastikan kelancaran bekalan air sepanjang musim kemarau dan perayaan.

“Setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Rozairi dari AKSB Kuala Krai bersama pasukan yang komited membantu menyalurkan bekalan air kepada penduduk di DUN Mengkebang.

“Alhamdulillah, keadaan keseluruhan masih terkawal, namun cabaran tetap dirasai berikutan



musim kemarau yang menyebabkan sumber air seperti telaga jejari berkurangan dan sungai semakin kering,” katanya.

Beliau berharap pihak AKSB terus mempertingkatkan kualiti perkhidmatan bagi menjamin bekalan air yang lebih stabil kepada rakyat, khususnya di kawasan terjejas.

“Terima kasih juga kepada Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kuala Krai, PKD Mengkebang, para penghulu serta seluruh masyarakat yang memberi kerjasama erat dalam menangani isu ini,” ujarnya.

# Penduduk Sungai Tias nikmati bekalan air lebih baik

Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KUALA KRAI**, 29 Mac - Lebih 100 isi rumah di tiga kampung sekitar Sungai Tias, Dabong kini menikmati bekalan air yang lebih baik hasil tindakan pantas Ahli Dewan Negeri (ADN) Dabong YB Ku Zaki Ku Hussin melalui pelaksanaan projek pemasangan tandak air dan sistem paip poli paip, Jumaat lalu.

Inisiatif tersebut dilaksanakan bagi menangani masalah bekalan air berulang setiap kali musim kemarau yang menjejaskan keperluan harian penduduk. Keadaan menjadi lebih mencabar apabila kapasiti tadahan sedia ada tidak lagi mampu menampung penggunaan semasa.

Projek berkenaan dilaksanakan secara berfasa melibatkan tiga lokasi utama. Fasa pertama di Kampung Sungai Tias Dalam membabitkan 42 rumah, diikuti Kampung Gong Genor dengan 33



rumah, manakala fasa ketiga di Kampung Sungai Tias Luar melibatkan 44 rumah serta dua buah surau.

Sebanyak tiga tandak baharu dipasang lengkap dengan sistem saluran poli paip bagi meningkatkan keupayaan tadahan dan pengagihan air secara lebih efisien kepada penduduk terlibat.

YB Ku Zaki turut turun padang bersama penduduk melaksanakan kerja pemasangan, memaklumkan, kerja-kerja tersebut mendapat kerjasama lebih 50 penduduk kampung, khususnya golongan belia,

yang bergotong-royong sehingga berjaya menyiapkan keseluruhan pemasangan dalam tempoh kurang empat jam.

Menurutnya, tindakan segera diambil bagi memastikan kebajikan rakyat tidak terus terjejas setiap kali berdepan musim kemarau.

“Kita tidak mahu masalah ini berulang tanpa penyelesaian. Sebab itu pendekatan turun padang dan tindakan segera dilaksanakan bersama rakyat,” katanya, ketika dihubungi, hari ini.

Jelasnya, projek tandak air itu akan terus diperluaskan secara ber-

peringkat bagi memastikan lebih ramai penduduk, khususnya di kawasan yang berdepan tekanan air rendah, mendapat manfaat.

“Saya amat menghargai semangat gotong-royong yang ditunjukkan penduduk, khususnya golongan muda. Inilah kekuatan sebenar masyarakat dalam mendepani cabaran bersama,” ujarinya.

Tambahnya, usaha memperkasa infrastruktur bekalan air luar bandar akan terus dipergiat sebagai langkah jangka panjang bagi mengurangkan isu gangguan bekalan air di kawasan terlibat.

## Rakyat Kelantan dipersila meriahkan Ijtima' Antarabangsa Perpaduan Ummah ke-5, Konvoi 4 MB dijangka jadi tarikan utama

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM**, 30 Mac -Ijtima' Antarabangsa Perpaduan Ummah kali ke-5 & Himpunan Alam Melayu 2026 bakal berlangsung selama tiga hari di Pekarangan Kompleks Sukan Negeri Terengganu bermula 2 hingga 4 April ini.

Program berimpak besar itu menghimpunkan tokoh ulama, ilmuwan, pemimpin masyarakat serta rakyat dari pelbagai latar belakang dalam satu medan ukhuwah yang memperkukuh kesatuan umat Islam dan memperkasa warisan Alam Melayu.

Sehubungan itu, Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasuruddin Daud mempersilakan seluruh rakyat Kelantan khususnya untuk hadir memeriahkan program berkenaan sebagai manifestasi sokongan terhadap agenda perpaduan ummah.

Menurutnya, penganjuran program yang berlangsung dari pukul

8.00 pagi hingga pukul 11.00 malam sepanjang tiga hari itu merupakan wadah strategik dalam menyatukan suara umat Islam di tengah cabaran dunia semasa.

“Program ini membuka ruang kepada rakyat untuk mendekati ulama, memahami isu semasa serta menghayati kekuatan perpaduan dalam kerangka Islam dan tamadun Melayu,” katanya.

Antara pengisian utama yang dijangka menjadi tumpuan ramai ialah Konvoi Bermotor Anak Muda SG4 bersama empat Menteri Besar yang akan berlangsung pada 4 April.

“Konvoi ini dijadualkan bermula seawal pukul 8.00 pagi dengan lokasi berkumpul di Dataran Batu Buruk, sebelum dilepaskan pada pukul 8.45 pagi menuju ke destinasi akhir di Kompleks Sukan Negeri, Kuala Nerus.

“Program ini menampilkan penglibatan empat Menteri Besar negeri-negeri SG4 sebagai simbol kebersamaan kepimpinan dalam mendekati rakyat, khususnya golon-



gan belia,” jelasnya ketika dihubungi, hari ini.

Sepanjang tiga hari penganjuran, pelbagai aktiviti ilmiah, kebudayaan dan kekeluargaan disusun bagi memenuhi keperluan semua lapisan masyarakat.

Antaranya, Kuliah Maghrib oleh Dr Zakir Abdul Karim Naik pada Jumaat dan Santai Anak Muda bersama Murabbi Sejuta Ummah Ustaz Azhar Idrus pada Sabtu.

Selain pengisian ilmiah, program itu turut menampilkan pameran Alam Melayu dan ketamadunan Islam sepanjang hari, di samping pelbagai aktiviti santai, cabutan bertuah serta pengalaman budaya berteras-kan tema pakaian busana Melayu.

Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz Md Nawawi juga diundang sebagai panel slot Bicara Wanita Alam Melayu yang dijadualkan berlangsung pada Khamis.

# Petani, penduduk Selising tunai solat Istisqa' mohon hujan

Oleh: Asri Hamat

**PASIR PUTEH, 30 Mac** - Para petani bersama penduduk sekitar Selising menunaikan solat sunat Istisqa' sebagai usaha memohon agar Allah SWT menurunkan hujan ke bumi yang kini memerlukan.

Program yang disertai makmum daripada pelbagai lapisan masyarakat itu berlangsung di Padang Bola Maahad Tahfiz Sains Nurul Hidayah, Tualang Tinggi, di sini, pagi tadi.

Exco Pertanian, Agromakanan dan Komoditi Kelantan YB Dato' Tuan Saripudin Tuan Ismail, berkata inisiatif berkenaan mencerminkan keprihatinan masyarakat khususnya golongan petani terhadap keadaan cuaca semasa yang memberi kesan kepada sumber rezeki mereka.

"Pelbagai lapisan masyarakat



termasuk para petani mengharapkan setiap doa yang dipanjatkan diterima dan dikurniakan hujan yang membawa keberkatan serta rezeki yang melimpah ruah," katanya menerusi media sosial, hari ini.

Beliau yang mengimamkan Jemaah serta berkhotbah sempena

program solat Istisqa' turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang hadir dan bersama-sama menjayakan program berkenaan.

"Terima kasih kepada semua yang hadir dan mengimarahkan usaha ini. Moga kebersamaan ini menjadi asbab turunnya rahmat

Allah SWT ke atas kita semua," katanya.

Jelasnya, program solat istisqa' yang diadakan pada pukul 7.45 pagi itu adalah sebagai seruan kepada masyarakat untuk kembali mendekati diri kepada Allah SWT dalam menghadapi ujian cuaca semasa.

## Konsep 'potluck' satukan rakyat dalam Ramah Mesra Aidilfitri Guchil



Oleh: Syamimi Manah

**KUALA KRAI, 29 Mac** - Konsep 'potluck' yang diterapkan dalam program Ramah Mesra Aidilfitri DUN Guchil yang berlangsung di Taman Chintawangsa, pada Jumaat lalu telah berjaya menyatukan rakyat setempat, apabila mereka berganding bahu menyediakan pelbagai juadah secara gotong-royong.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Guchil YB Hilmi Abdullah berkata, pendekatan tersebut melibatkan 26 cawangan yang masing-masing menyumbang tenaga dalam menyediakan makanan untuk

dikongsi bersama pengunjung.

Menurutnya, hasil kerjasama itu membolehkan hampir 20 jenis hidangan disediakan tanpa memerlukan kos yang tinggi, sekali gus memastikan semua pengunjung dapat menikmati jamuan dalam suasana penuh kemesraan.

"Program ini dibuat secara sederhana tetapi meriah. Semua makanan dimasak sendiri oleh petugas dan sukarelawan. Inilah kekuatan konsep 'potluck' yang bukan sahaja menjimatkan kos, malah mengeratkan hubungan dalam komuniti," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Jelasnya, penganjuran program tersebut turut mengekalkan tradisi bersila bersama keluarga tanpa keperluan kemudahan mewah, dengan pengunjung digalakkan membawa tikar sendiri.

Tambahnya, aspek logistik seperti pencahayaan dan hiasan juga dilaksanakan secara kreatif dengan memanfaatkan kemudahan sedia ada di sekitar lokasi, selain dibantu oleh sukarelawan tempatan tanpa melibatkan kontraktor luar.

Dalam pada itu, beliau menegaskan bahawa majlis tersebut dianjurkan khusus untuk rakyat dan tidak bersifat eksklusif, dengan

semua tetamu menikmati layanan serta juadah yang sama.

"Tiada konsep VIP dalam program ini. Semua datang sebagai keluarga besar masyarakat Guchil," ujarnya.

Mengulas mengenai pengisian program, beliau berkata persembahan hiburan oleh artis tempatan turut mencerminkan semangat kebersamaan apabila mereka tampil secara sukarela dengan bayaran minimum sebagai tanda penghargaan.

Menurutnya, keseluruhan pendekatan tersebut membuktikan bahawa program berskala besar masih boleh dilaksanakan secara berjimat tanpa mengorbankan kemeriahan dan nilai kebersamaan.

"Yang penting adalah kebersamaan dan semangat berkongsi rezeki. Inilah yang menjadikan sambutan Aidilfitri lebih bermakna," katanya.

Beliau turut mengajak masyarakat untuk terus mengamalkan budaya memberi, memperkukuh silaturahim serta menyemarakkan semangat gotong-royong dalam kehidupan bermasyarakat.

# Keselamatan murid diutamakan, SOP sekolah perlu diperkasa hadapi cuaca panas

Oleh: Syamimi Manah

**KUALA LUMPUR, 29 Mac** – Isu cuaca panas yang kini berada pada Tahap 2 (Gelombang Panas) menuntut langkah lebih proaktif dalam memastikan keselamatan murid di sekolah terus terjamin, di samping keperluan memperkukuh prosedur operasi standard (SOP) pengoperasian sekolah.

Ahli Dewan Negara YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff berkata, beliau memandang serius laporan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kedah berhubung pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) melibatkan 206 sekolah di daerah Pendang dan Kota Setar bermula hari ini sehingga 31 Mac 2026.

Menurutnya, langkah tersebut diambil susulan amaran cuaca panas Tahap 2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia dan wajar disokong demi keselamatan murid.

“Sebagai pengamal perubatan, saya ingin menegaskan bahawa pendedahan berpanjangan kepada suhu melebihi 37 darjah Celsius bukan sahaja menjejaskan tumpuan pembelajaran, malah boleh membawa kepada risiko kesihatan



serius seperti kelesuan haba dan strok haba yang berpotensi mengancam nyawa,” katanya dalam satu kenyataan media, hari ini.

Sehubungan itu, beliau turut mengemukakan tiga cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak berkaitan bagi mendepani situasi cuaca ekstrem yang semakin kerap berlaku.

Cadangan pertama ialah pelaksanaan “Sistem Amaran Awal Sekolah” yang menghubungkan data suhu masa nyata daripada MetMalaysia dengan pihak sekolah.

Menurutnya, menerusi sistem itu, pihak sekolah boleh mengamalkan tindakan segera seperti menangguhkan aktiviti luar tanpa perlu

menunggu arahan rasmi.

Selain itu, beliau mencadangkan inisiatif “Sekolah Hijau & Teduh” sebagai langkah jangka panjang dengan menyediakan peruntukan khas bagi penanaman pokok teduhan serta pemasangan sistem pengudaraan pasif di sekolah, khususnya di kawasan dikenali pasti sebagai titik panas.

Dalam pada itu, garis panduan nutrisi dan hidrasi mandatori juga disarankan, termasuk penyediaan air minuman percuma yang mencukupi di kantin sekolah serta pengurangan jualan makanan berminyak dan pedas sepanjang tempoh gelombang panas.

Tambahnya, pendidikan asas

berkaitan simptom awal strok haba juga perlu diberikan kepada murid bagi membolehkan mereka lebih peka terhadap keadaan diri dan rakan sebaya.

Dr Wan Martina turut menyeru ibu bapa di seluruh negara agar memainkan peranan aktif sepanjang tempoh PdPR dengan memastikan anak-anak kekal berada di dalam rumah serta mengambil air secukupnya.

“Keselamatan anak-anak adalah keutamaan yang tidak boleh dikompromi. Kita perlu beralih daripada pendekatan reaktif kepada strategi yang lebih proaktif serta berdaya tahan dalam menghadapi perubahan iklim,” ujarnya.



## Lonjakan harga input pertanian global bakal tekan kos makanan – Exco Pertanian



Oleh: Syamimi Manah

**KOTA DARULNAIM, 31 Mac** – Lonjakan harga input pertanian di peringkat global, khususnya baja, dijangka memberi kesan langsung kepada kos pengeluaran makanan dan seterusnya harga makanan yang ditanggung rakyat dalam tem-

poh terdekat.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Saripudin Tuan Ismail berkata, perkembangan tersebut bukan sekadar turun naik biasa harga komoditi, sebaliknya merupakan ujian besar terhadap ketahanan sistem makanan negara.

Kenyataan itu dibuat susulan kenyataan media oleh Pengerusi Lajnah Kesenian dan Kelestarian Alam Sekitar (LATAS) YB Dato' Dr Azman Ibrahim pada 29 Mac, yang menyentuh isu peningkatan kos input pertanian global.

Menurutnya, kebergantungan tinggi Malaysia terhadap import, terutama makanan ternakan seperti jagung dan soya, menyebabkan negara terdedah kepada sebarang gangguan bekalan serta kenaikan

harga di pasaran global.

“Walaupun harga semasa dilihat masih stabil, keadaan ini bersifat sementara kerana ia bergantung kepada stok lama, subsidi serta penyerapan kos oleh pengeluar.

“Dalam tempoh antara dua hingga enam bulan akan datang, kesan sebenar peningkatan kos global ini dijangka mula dirasai oleh pengguna,” katanya di laman rasmi, semalam.

Dato' Tuan Saripudin turut menjelaskan bahawa kelemahan utama sistem makanan negara adalah tahap sara diri yang masih rendah serta pergantungan berterusan kepada import, sekali gus meningkatkan risiko kekurangan bekalan dan ketidakpastian harga.

Sehubungan itu, beliau memaklumkan bahawa LATAS

mencadangkan beberapa langkah strategik bagi menangani isu berkenaan.

Antaranya termasuk mewujudkan stok penimbun strategik bagi baja dan makanan ternakan, mempelbagaikan sumber import bagi mengurangkan risiko gangguan bekalan, serta memperkukuh pengeluaran input tempatan seperti biofertiliser dan makanan ternakan alternatif.

Selain itu, pelaksanaan subsidi bersasar berasaskan data juga dicadangkan bagi memastikan bantuan sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

“Reformasi struktur perlu disegerakan bagi memperkukuh keterjaminan makanan negara serta mengurangkan tekanan kos sara hidup rakyat,” ujarnya.

# Pelaksanaan diyat, jamin hak keluarga mangsa pemandu mabuk terbela – YB Abdul Latiff

Oleh:Irham Hilmi Hashim

**KUALA LUMPUR, 30 Mac** – Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman mengusulkan agar konsep bayaran diyat dipertimbangkan untuk dimasukkan dalam rang undang-undang negara sebagai mekanisme keadilan tambahan, khususnya dalam kes kematian akibat kemalangan melibatkan pemandu mabuk dan kecuai.

Beliau berkata, cadangan itu penting bagi memastikan kebajikan keluarga mangsa tidak terpinggir, di samping memperkukuh aspek keadilan dalam sistem perundangan sedia ada.

Menurutnya, perkara tersebut telah dibangkitkan dalam perbincangan persidangan Parlimen sebelum ini susulan beberapa kes kemalangan maut membabitkan pemandu di bawah pengaruh alkohol.

“Saya mencadangkan agar kerajaan memasukkan bayaran diyat kepada keluarga mangsa yang terlibat dalam kemalangan melibatkan pemandu mabuk,” katanya, ketika dihubungi, hari ini.

Beliau menjelaskan, diyat merupakan salah satu bentuk hukuman dalam undang-undang jenayah



Islam yang berperanan sebagai pampasan kepada keluarga mangsa sekiranya mereka memilih untuk tidak menuntut qisas.

Katanya, pensyariatan diyat membuktikan bahawa nyawa manusia amat tinggi nilainya di sisi Islam, selain menyeimbangkan tuntutan keadilan dengan sifat ihsan serta membuka ruang perdamaian antara pihak terlibat.

“Pensyariatan diyat menunjukkan bahawa nyawa manusia amat berharga dalam Islam, di samping menyeimbangkan antara keadilan dan belas kasihan serta membuka ruang perdamaian antara pihak yang terlibat,” ujarnya.

Tambahnya, pelaksanaan diyat juga mampu mengelakkan berlakunya dendam berpanjan-

gan dalam masyarakat, sekali gus menyumbang kepada suasana yang lebih harmoni.

Dalam pada itu, beliau menyambut baik langkah kerajaan untuk meminda undang-undang berkaitan kesalahan pemanduan di bawah pengaruh alkohol dengan hukuman yang lebih berat.

“Kerajaan telah bersetuju untuk meminda undang-undang dalam sidang kali ini, termasuk cadangan denda sehingga RM150,000, penjara sehingga 20 tahun serta penarikan lesen. Ini satu langkah yang baik dalam mengekang gejala pemandu mabuk,” katanya.

Walau bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa aspek kebajikan keluarga mangsa tidak wajar diabaikan dalam usaha memper-

ketat hukuman terhadap pesalah.

“Dalam masa yang sama, saya juga berharap kerajaan tidak melupakan keluarga mangsa yang meninggal dunia akibat dilanggar pemandu mabuk. Adalah satu ketidakadilan sekiranya mangsa dan keluarga tidak mendapat apa-apa akibat kecuai tersebut,” katanya.

Beliau berkata, konsep diyat wajar diperhalusi dan dipertimbangkan secara serius dalam kerangka perundangan negara demi menjamin keadilan yang lebih menyeluruh serta berteraskan nilai kemanusiaan.

“Saya mohon kerajaan memasukkan sekali bayaran ini agar keluarga mangsa turut terbelas,” ujarnya.

# Mansuh peruntukan RM3.5 juta ahli parlimen kerajaan lebih berkesan – YB Ahmad Fadhli



Oleh:Irham Hilmi Hashim

**KUALA LUMPUR, 30 Mac** – Ahli Parlimen Pasir Mas YB Ahmad Fadhli Shaari menggesa kerajaan mempertimbangkan pemansuhan peruntukan khas sebanyak RM3.5 juta kepada setiap Ahli Parlimen blok kerajaan sebagai langkah penjimatan yang lebih berkesan dalam suasana ketidak-

tentuan global ketika ini.

Menurutnya, langkah tersebut berpotensi menjimatkan sehingga kira-kira setengah bilion ringgit setahun, sekali gus memberi ruang lebih luas kepada kerajaan untuk menyalurkan bantuan secara terus kepada rakyat, tanpa mengira kawasan Parlimen.

Beliau berkata, pendekatan itu dilihat lebih signifikan berbanding cadangan mengurangkan elaun petrol Ahli Parlimen sebanyak RM1,500 sebulan.

“Jika benar mahu berjimat, mansuhkan peruntukan RM3.5 juta ini. Penjimatan yang diperoleh jauh lebih besar dan boleh dimanfaatkan semula untuk kebajikan rakyat secara menyeluruh,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Mengulas lanjut, beliau berpan-

dangan kerajaan tetap boleh menyalurkan bantuan kepada rakyat di kawasan Parlimen kerajaan seperti mana bantuan yang diberikan kepada kawasan pembangkang ketika ini, tanpa perlu bergantung kepada peruntukan khas tersebut.

Dalam masa sama, beliau tidak menolak cadangan untuk mengurangkan elaun petrol Ahli Parlimen, namun menyifatkan impaknya agak terhad dari segi penjimatan

keseluruhan.

“RM1,500 didarab dengan 222 Ahli Parlimen, jumlahnya tidaklah begitu besar jika dibandingkan dengan penjimatan melalui pamanusan peruntukan khas. Keutamaan ketika ini adalah mencari langkah penjimatan yang benar-benar memberi kesan besar kepada kewangan negara, tanpa menjejaskan keperluan rakyat di peringkat akar umbi,” ujarnya.



# Bazar Siti Aisyah pasca 2028: Menata semula nadi bandar, memperkukuh ekonomi warisan



Oleh: Norzana Razaly

Dalam kerangka perancangan bandar kon-temporari, ruang niaga tradisional tidak lagi ditafsir sebagai sekadar lokasi transaksi jual beli. Premis itu merupakan simpul yang mengikat rantai ekonomi, budaya, mobiliti manusia dan identiti setempat dalam satu ekosistem yang hidup.

Dalam konteks Kota Bharu, projek naik taraf Bazar Siti Aisyah yang bernilai RM28 juta itu mengambil masa 36 bulan dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Disember 2028. Mercu tanda yang diberi nafas baharu ini sekali gus membuka lembaran baharu dalam usaha menata semula nadi bandar berteraskan warisan.

Bazar yang berusia lebih empat dekad ini dulunya dikenali sebagai Bazar Buluh Kubu, sejak sekian lama menjadi pusat ekonomi mikro yang menampung ratusan peniaga serta destinasi penting pelancongan.

Namun, perubahan landskap bandar yang semakin kompleks menuntut penyesuaian yang lebih strategik. Keperluan terhadap ruang yang lebih selesa, tersusun dan efisien bukan lagi pilihan, sebaliknya satu keperluan mendesak demi memastikan kelangsungan fungsi bazar dalam ekosistem bandar moden.

## Pembangunan bersepadu

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) Dato' Sr Zamri Ismail mewakili kerajaan negeri menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas peruntukan tersebut dan menegaskan bahawa pembangunan ini dirancang untuk memperindah struktur fizikal, meningkatkan keselesaan pengguna serta memperkasa usahawan Bumiputera, khususnya dalam sektor batik dan kraftangan.

Kenyataan ini mencerminkan pendekatan pembangunan bersepadu yang menggabungkan dimensi fizikal dengan agenda ekonomi inklusif.



“Dari sudut perancangan bandar, projek ini boleh difahami melalui tiga dimensi utama, iaitu pembaharuan fizikal, pengaktifan ekonomi dan pengukuhan identiti tempat, yang saling melengkapi dalam membentuk transformasi menyeluruh.

“Pembaharuan fizikal yang dirancang memperlihatkan pendekatan holistik terhadap peningkatan kualiti ruang bandar. Skop pembangunan melibatkan pembesaran unit kedai, penyediaan ruang dewan, naik taraf sistem elektrik, saliran serta tangki septik, di samping penambahan kawasan parkir. Intervensi ini bukan sekadar memperbaiki kemudahan asas, tetapi menjadi asas kepada peningkatan daya huni dan kebolehcapaian ruang,” jelasnya ketika ditemu bual, hari ini.

Dalam teori urbanisme moden, ruang yang selesa dan tersusun akan mempengaruhi pengalaman pengguna secara langsung. Apabila bazar menjadi lebih terancang dan mesra pengunjung, tempoh kunjungan cenderung meningkat. Perubahan ini bukan sahaja meningkatkan keselesaan, bahkan merangsang aktiviti ekonomi

melalui pertambahan aliran pengunjung.

Penambahan ruang parkir pula memainkan peranan penting dalam menangani tekanan mobiliti di pusat bandar. Dengan aliran trafik yang lebih lancar, akses ke bazar menjadi lebih mudah, sekali gus memperkukuh kedudukannya sebagai tumpuan utama dalam jaringan komersial Kota Bharu. Dalam jangka panjang, langkah ini menyumbang kepada pengurangan kesesakan serta meningkatkan kecekapan pergerakan bandar.

Lebih penting, naik taraf utiliti seperti sistem saliran dan elektrik menandakan peralihan daripada pendekatan reaktif kepada sistem sokongan bandar yang lebih mampan. Dalam kerangka bandar berdaya tahan, aspek ini menjadi tunjang kepada kelangsungan operasi tanpa gangguan, sekali gus meningkatkan keyakinan peniaga dan pelabur.

## Rantaian nilai

Dari perspektif ekonomi bandar, ruang niaga itu ialah nod penting dalam rantaian nilai tempatan. Produk seperti batik, songket, ukiran kayu dan tembaga membawa nilai komersial yang tinggi di samping mencerminkan identiti budaya negeri. Naik taraf ini dijangka memperkukuh peranan Bazar Siti Aisyah sebagai hab utama produk warisan Kelantan.

Melalui kemudahan yang lebih moden dan tersusun, peniaga berpotensi meningkatkan produktiviti serta memperbaiki persembahan produk. Ini memberi kelebihan dalam menarik pelancong yang bukan sahaja mencari barangan, tetapi pengalaman membeli yang berkualiti. Dalam konteks ini, bazar berpotensi berkembang sebagai “muzium hidup”, tempat pengunjung menyaksikan proses penghasilan kraf serta memahami nilai di sebaliknya.



Pemeriksaan usahawan Bumiputera menjadi teras penting dalam transformasi ini. Ruang niaga yang lebih luas dan sistem sokongan yang lebih baik membuka peluang kepada inovasi serta peningkatan daya saing. Pada masa yang sama, bazar ini boleh berfungsi sebagai inkubator tidak formal yang memindahkan ilmu dan kemahiran antara generasi secara organik.

Kesan limpahan ekonomi turut dijangka berlaku apabila aktiviti bazar semakin rancak. Sektor pengangkutan, perhotelan, makanan dan perkhidmatan pelancongan akan menerima manfaat secara tidak langsung. Dalam kerangka ekonomi bandar, hubungan silang sektor ini penting dalam membentuk ekosistem yang dinamik dan lestari.

Dari sudut identiti tempat, konsep place-making menekankan bahawa kekuatan sesuatu bandar terletak pada keunikan ruangnya. Bazar Siti Aisyah mempunyai nilai sejarah dan budaya yang tersendiri, menjadikannya aset penting dalam naratif Kota Bharu sebagai kota warisan.

### Serlah bentuk kontemporari


Naik taraf yang dilaksanakan bukan bertujuan menghapuskan identiti tersebut, sebaliknya memperkukuh dan menonjolkannya dalam bentuk yang lebih kontemporari. Penyediaan ruang dewan dan susun atur yang lebih sistematis membuka peluang kepada penganjuran acara budaya, pameran dan program pelancongan berimpak tinggi.

Dalam jangka panjang, pendekatan ini mampu meningkatkan daya tarikan pelancongan bandar. Pelancong tidak lagi melihat bazar sekadar lokasi membeli-belah, tetapi sebagai pengalaman budaya yang menyeluruh. Hal ini penting dalam memanjangkan tempoh penginapan pelancong serta meningkatkan perbelanjaan mereka di negeri ini.

Impak sosioekonomi terhadap komuniti setempat juga tidak boleh dipandang ringan. Peningkatan aktiviti ekonomi akan meningkatkan

pendapatan peniaga serta mewujudkan peluang pekerjaan baharu. Pada masa yang sama, kualiti hidup masyarakat turut meningkat melalui penyediaan kemudahan yang lebih selesa dan tersusun.

Lebih signifikan, projek ini membuka ruang kepada generasi muda untuk melihat sektor warisan sebagai bidang yang berdaya maju. Dalam suasana ekonomi yang sering mendorong penghijrahan ke bandar besar, kewujudan ekosistem perniagaan yang kukuh di peringkat tempatan mampu mengekalkan tenaga kerja muda serta memastikan kesinambungan industri tradisional.



### Dua elemen seimbang

Namun, cabaran utama dalam transformasi ini ialah memastikan keseimbangan antara dua elemen utama iaitu pemodenan dan pemeliharaan identiti. Jika tidak diurus dengan teliti, pembangunan fizikal berisiko menghakis nilai autentik yang menjadi kekuatan utama bazar. Justeru, pendekatan reka bentuk perlu mengekalkan elemen seni bina dan visual yang mencerminkan jiwa Melayu-Islam sebagai teras Kota Bharu.

Menjelang 2028, Bazar Siti Aisyah berpotensi muncul sebagai model pembangunan bandar berteraskan warisan yang berjaya mengimbangi antara tradisi dan kemodenan. Lantas, mercu tanda baharu Kota Bharu ini menjadi sebuah kompleks niaga yang diperbaharui dan ruang yang menghubungkan masa lalu dengan masa depan dalam satu jaringan ekonomi dan sosial yang lestari.

Kesimpulannya, kejayaan projek ini bergantung kepada sinergi berterusan antara agensi kerajaan, peniaga dan masyarakat. Asas perancangan yang jelas serta visi pembangunan yang inklusif, Bazar Siti Aisyah berpotensi menjadi mercu tanda baharu yang bukan sahaja mengubah wajah fizikal bandar, tetapi menghidupkan kembali denyut nadi Kota Bharu sebagai kota warisan yang dinamik dan berdaya saing.

# Hubungan strategik pentadbiran negeri diperkukuh, MB Kelantan terima kunjungan PPTN

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 31 Mac – Hubungan strategik antara kepimpinan negeri dan barisan pegawai tadbir terus diperkukuh apabila Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menerima kunjungan hormat Persatuan Pegawai Tadbir Negeri Kelantan (PPTN) di Kediaman Rasmi Menteri Besar, semalam.

Kunjungan yang diketuai Presidennya Dato' Ab. Pattah Hasbullah bersama barisan ahli jawatankuasa itu menjadi platform penting dalam merapatkan kerjasama strategik bagi memperkasa kecekapan serta profesionalisme jentera pentadbiran negeri.

Menurut Menteri Besar, pertemuan tersebut memberi ruang bermakna untuk memperkukuh hubungan antara kepimpinan kerajaan negeri dan pegawai tadbir yang merupakan tulang belakang kepada sistem pentadbiran.



“Kunjungan ini menjadi ruang yang signifikan dalam merapatkan hubungan strategik antara kepimpinan negeri dan pegawai tadbir yang memainkan peranan penting dalam jentera pentadbiran,” katanya.

Beliau berkata, pertemuan berkenaan turut membuka ruang perbincangan menyeluruh melibatkan aspek kebajikan, peningkatan profesionalisme serta peranan pegawai tadbir dalam memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan awam negeri.

“Pelbagai perkara dibincangkan secara konstruktif, khususnya berkaitan kebajikan, pemerkasaan profesionalisme serta peranan pegawai tadbir dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam berada pada tahap terbaik,” jelasnya.

Menurutnya, pegawai tadbir memainkan peranan signifikan dalam memastikan setiap dasar kerajaan dirancang, dilaksanakan dan diselaras secara cekap serta berkesan.

“Keupayaan pegawai tadbir

memberi impak langsung kepada keberkesanan pelaksanaan dasar kerajaan dan kesejahteraan rakyat,” jelasnya.

Dalam masa sama, beliau menegaskan bahawa peranan PPTN amat penting dalam menjaga kebajikan serta memperkukuh profesionalisme pegawai tadbir negeri.

“Saya berharap kerjasama erat ini terus diperkasa bagi memastikan pentadbiran negeri kekal berintegriti, cekap dan berdaya saing demi manfaat rakyat,” ujarnya.



## Pelajar Cemerlang SPM 2025 diseru jadi insan berilmu, bertakwa

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 31 Mac – Para pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 diseru agar terus membina jati diri sebagai insan berilmu dan bertakwa, selaras dengan tuntutan pendidikan berteraskan nilai Islam.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, kejayaan akademik perlu diseimbangkan dengan pembentukan sahsiah diri yang unggul berasaskan nilai keagamaan.

Menurutnya, pelajar perlu memastikan kecemerlangan yang dicapai tidak hanya terhad kepada pencapaian akademik, sebaliknya disertai amalan seperti menunaikan solat, menjaga akhlak serta sentiasa berdoa dalam meniti perjalanan



menuntut ilmu.

“Pelajar perlu meneruskan usaha gigih untuk cemerlang dan membentuk generasi rabbani. Jangan sesekali mengabaikan tanggung-

jawab kepada Allah SWT dalam mengejar kejayaan duniawi,” katanya menerusi kenyataan di media sosial, hari ini.

Beliau berkata, pendekatan

tersebut selari dengan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang diteruskan melalui Strategi Pengukuhan MBI (PMBI), berteraskan tiga prinsip utama iaitu Ubudiyah (pengabdian kepada Allah), Mas'uliyah (amanah dalam tanggungjawab) dan Itqan (kesungguhan serta kecemerlangan).

Tambahnya, prinsip UMI perlu dijadikan panduan dalam kehidupan seharian, bukan sahaja dalam aspek akademik, malah dalam membentuk keperibadian dan jati diri pelajar.

Dalam masa sama, beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada semua calon SPM 2025 atas usaha dan pencapaian masing-masing.

“Semoga setiap usaha yang dilakukan diberkati Allah SWT dan mampu melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak serta bertakwa,” katanya.

# SPM 2025: 97.84 peratus pelajar YIK lulus, 41 sekolah capai 100 peratus

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 31 Mac - Sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) mencatatkan pencapaian memberangsangkan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 apabila merekodkan kadar kelulusan penuh 97.84 peratus, dengan 41 buah sekolah mencapai keputusan 100 peratus.

Pengumuman rasmi itu disampaikan Timbalan Exco Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Kamaruzaman Mohamad dalam satu sidang media di Bilik Mesyuarat Utama Yayasan Islam Kelantan, di sini, hari ini.

Beliau berkata, sebanyak 4,813 calon daripada 83 sekolah YIK menduduki peperiksaan SPM tahun ini, berbanding 5,090 calon pada tahun sebelumnya.

“Walaupun jumlah calon menurun, prestasi keseluruhan menunjukkan peningkatan apabila kadar kelulusan penuh naik sebanyak 0.34 peratus berbanding 97.50 peratus pada tahun lalu,” jelasnya.



Menurutnya, daripada jumlah tersebut, 95 pelajar memperoleh keputusan berpangkat, manakala hanya sembilan calon gagal semua mata pelajaran.

“Pencapaian ini mencerminkan keberkesanan pendekatan pendidikan yang dilaksanakan di institusi YIK serta komitmen berterusan semua pihak dalam memastikan kualiti pendidikan kekal cemerlang,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata sebanyak 41 sekolah berjaya mencapai kelulusan 100 peratus, sekali gus membuktikan keupayaan institusi pendidikan YIK dalam melahirkan pelajar berprestasi tinggi.

“Berdasarkan Gred Purata Se-

kolah (GPS), tiga sekolah terbaik ialah Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Saadah dengan GPS 2.05, diikuti Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat (GPS 2.65) dan Maahad Sains Tok Guru (GPS 2.69),” ujarnya.

Dalam pada itu, kecemerlangan turut terserlah apabila 216 pelajar memperoleh keputusan antara 9A hingga 12A, termasuk 92 pelajar yang meraih semua A dalam semua mata pelajaran.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat mencipta kejayaan tersebut daripada hasil usaha bersepadu antara guru, ibu bapa dan pelajar yang komited dalam memastikan kece-



merlangan akademik.

“Kerajaan negeri merakamkan penghargaan kepada MAIK, YAKIN, ILDAN, IPG, UiTM serta semua pihak yang menyumbang kepada pembangunan pendidikan di Kelantan.

“Tahniah kepada pelajar cemerlang dan penghargaan kepada seluruh warga pendidik yang memainkan peranan penting dalam memajukan sistem pendidikan negeri,” katanya.

Beliau juga berharap pencapaian SPM 2025 akan menjadi pemangkin untuk terus memperkukuh kecemerlangan akademik serta melahirkan generasi pelajar yang holistik dan berdaya saing.

## Kepimpinan Anak Muda Rakan Al-Quran terima watikah pelantikan, perkasa dakwah komuniti



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 1 April - Barisan kepimpinan baharu Anak Muda Rakan Al-Quran Negeri Kelantan menerima watikah pelantikan sebagai simbol amanah dan tanggungjawab dalam meneruskan gerakan dakwah serta pembangunan sahsiah di peringkat komuniti.

Penyerahan watikah tersebut disempurnakan oleh Exco Belia,

Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Mohamad di bilik mesyuarat Exco, Mabna, Kompleks Kita Darulnaim, semalam.

YB Zamakhshari berkata, penyerahan watikah itu menjadi titik penting dalam memperkukuh peranan golongan muda sebagai peneraju usaha memperkasa nilai-nilai Islam dalam kalangan masyarakat, khususnya generasi belia.

Beliau berharap kepimpinan

baharu ini terus istiqamah dalam perjuangan, sekali gus berperanan sebagai agen perubahan dan menjadi qudwah hasanah kepada masyarakat.

“Barisan kepimpinan ini diharapkan mampu menggalas tanggungjawab dengan penuh dedikasi serta menjadi contoh terbaik kepada anak muda lain dalam membina jati diri berteraskan Al-Quran,” katanya menerusi media sosial, pada Selasa.

Beliau turut menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan menzahirkan komitmen untuk terus menyokong segala inisiatif yang menjurus kepada pembinaan ummah yang berilmu, berakhlak dan berdaya saing.

Terdahulu, YB Zamakhshari menerima kunjungan hormat daripada Kepimpinan Anak Muda Rakan Al-Quran di bilik Mesyuarat Exco.

Pertemuan itu disifatkan sebagai platform bermakna bukan sahaja untuk sesi perkenalan, malah sebagai medan pertukaran pandangan dan aspirasi dalam usaha memperkasa generasi muda berlandaskan nilai-nilai Al-Quran.

Program tersebut turut mengangkat tema “Anak Muda Rabbani, Pemacu Masa Depan Negeri” sebagai aspirasi dalam melahirkan generasi muda yang holistik dan berdaya kepimpinan tinggi.

# Sumbangan RM1,000 suntik semangat pasangan muda mulakan hidup baharu

Oleh: Syamimi Manah

**KOTA BHARU, 1 April** – Sumbangan sebanyak RM1,000 menerusi Skim Gerbang Az-Ziwaaj mampu menyuntik semangat pasangan muda untuk memulakan kehidupan baharu dengan lebih yakin dan terancang.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Tanjong Mas YB Dato' Rohani Ibrahim berkata inisiatif tersebut merupakan antara usaha kerajaan negeri dalam membantu golongan belia, khususnya yang berpendapatan rendah, bagi mengharungi fasa awal perkahwinan.

“Skim Gerbang Az-Ziwaaj merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Kelantan yang diperkenalkan sejak tahun 2011, bertujuan membantu golongan belia berpendapatan



RM2,000 ke bawah dalam memulakan kehidupan berkeluarga.

“Melalui skim ini, setiap pasangan yang layak akan menerima sumbangan sebanyak RM1,000 dalam bentuk cek sebagai saguhati permulaan” katanya di laman rasmi, semalam.

Terdahulu, beliau berkesempatan menyampaikan sumbangan Skim Gerbang Az-Ziwaaj kepada empat anak mukim DUN Tanjong Mas dalam satu majlis yang berlangsung di Pusat Khidmat DUN Tanjong Mas pada 31 Mac.

Dato' Rohani berharap skim

bantuan itu dapat membantu pasangan muda yang baru mendirikan rumah tangga.

“Semoga sumbangan ini menjadi asbab keberkatan, mengukuhkan ikatan kasih sayang serta meringankan beban dalam meniti fasa awal perkahwinan,” ujarnya.

## Lima inisiatif strategik kerajaan negeri faktor utama peningkatan keputusan SPM 2025



Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA BHARU, 1 April** — Pelaksanaan lima inisiatif strategik oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pejabat Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi dikenal pasti sebagai antara faktor utama peningkatan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 bagi sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Perkara itu dimaklumkan Timbalan EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Kamaruzaman Mohamad ketika Majlis Penguaman Keputusan SPM di Bilik Mesyuarat Utama YIK, Tunjong, semalam.

Beliau berkata, kejayaan terse-

but merupakan hasil pelaksanaan menyeluruh lima program utama yang dirangka khusus bagi memperkasa kecemerlangan akademik pelajar, khususnya calon SPM.

“Antara inisiatif utama ialah pelaksanaan Program A+ Rabbani Bootcamp yang melibatkan kerjasama strategik pelbagai agensi termasuk Institut Latihan Darul Naim (ILDAN), Perbadanan Ladang Rakyat Negeri Kelantan, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Kota Bharu, UiTM Kelantan dan Kolej Profesional MARA Kota Bharu dengan penyertaan 100 pelajar,” katanya.

Menurutnya, Program Tuisyen Rakyat Sejahtera Kelantan turut diperkukuh melalui peluasan kepada dua kelas bagi setiap 45 Dewan

Undangan Negeri (DUN) berbanding satu kelas sebelum ini.

“Kerajaan negeri juga meningkatkan peruntukan bagi setiap DUN daripada RM10,000 kepada RM15,000, menjadikan jumlah keseluruhan perbelanjaan meningkat kepada RM675,000 setahun berbanding RM450,000 sebelumnya,” katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan e-Tuisyen Rakyat Sejahtera Kelantan dengan kerjasama Telekom Malaysia dan Yayasan Islam Kelantan memberi impak signifikan apabila melibatkan 1,896 pelajar di 52 sekolah terpilih.

“Selain itu, Seminar Kecemerlangan SPM Pendidikan Rabbani

2025 dilaksanakan melibatkan 100 peserta daripada 12 sekolah sekitar Kota Bharu serta satu lagi siri seminar yang menghimpunkan 150 peserta,” jelasnya.

YB Kamaruzaman juga memaklumkan, semua inisiatif tersebut merupakan pendekatan bersepadu kerajaan negeri dalam memastikan kecemerlangan pelajar yang seimbang dalam akademik dan sahsiah.

“Kita melihat lima inisiatif ini memberikan impak jelas terhadap peningkatan keputusan SPM 2025, sekali gus membuktikan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam memperkasa pendidikan di bawah kelolaan YIK,” katanya.



# Sekolah digital dibakal dilancar, e-Tuisyen Rakyat Sejahtera diperkasa

Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA BHARU**, 1 April - Kerajaan Negeri Kelantan bakal melancarkan inisiatif sekolah digital serta memperkukuh pelaksanaan program e-Tuisyen Rakyat Sejahtera Kelantan sebagai langkah strategik melonjak kecemerlangan pelajar, khususnya calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Kamaruzaman Mohamad berkata, pelaksanaan sekolah digital kini berada di peringkat akhir sebelum dilaksanakan sepenuhnya dalam masa terdekat.

“Sekolah digital merupakan projek bersepadu yang merangkumi aspek pengurusan dan pembelajaran berteraskan teknologi digital. Kita kini di peringkat akhir dan pelaksanaannya dijangka bermula tahun ini,” katanya pada sidang media sempena Majlis Pengumu-



man Keputusan SPM 2025 di Bilik Mesyuarat Utama YIK, Tunjong, semalam.

Beliau berkata, pendekatan tersebut diyakini mampu meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran seterusnya memberi impak positif terhadap pencapaian akademik pelajar.

“Insya-Allah, pelaksanaan sekolah digital ini akan menyumbang kepada peningkatan kecemerlangan pelajar, khususnya calon SPM,” katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau memaklumkan bahawa ker-



ajaan negeri turut bersetuju memperkasakan program e-Tuisyen Rakyat Sejahtera Kelantan yang dilaksanakan sejak tahun lalu.

Menurutnya, program hasil kerjasama Kerajaan Negeri, Telekom Malaysia dan YIK itu telah melibatkan 1,896 pelajar di 52 buah sekolah terpilih.

“Usaha sedang dipergiat untuk membangunkan sistem yang lebih komprehensif bagi membolehkan program ini diperluaskan kepada lebih ramai pelajar secara percuma.

“Jika sebelum ini penyertaan di-

hadkan kepada 1,896 pelajar, kita kini berusaha memperluaskan akses kepada seramai mungkin calon yang memerlukan,” katanya.

Beliau menegaskan kedua-dua inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan kerajaan negeri dalam memastikan sistem pendidikan kekal relevan, inklusif dan berdaya saing.

“Kerajaan negeri akan terus memperkenalkan pelbagai inisiatif baharu dari semasa ke semasa bagi memperkukuh kecemerlangan pendidikan di bawah YIK,” ujarnya.

## 75 pasangan ikuti Kursus Pra Perkahwinan, asas keluarga sakinah diperkukuh – YB Ku Mohd Zaki



Oleh: Irham Hilmi Hashim

**DABONG**, 1 April — Sebanyak 75 pasangan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Dabong menyertai Kursus Pra Perkahwinan Islam Fasa 1 Tahun 2026 sebagai antara langkah penting Kerajaan Negeri dalam memastikan bakal pengantin memiliki asas ilmu yang kukuh, sekali gus mampu membina keluarga sakinah, mawaddah dan rahmah.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Dabong YB Ku Mohd Zaki Ku Husin berkata, inisiatif tersebut merupakan usaha berterusan kerajaan



negeri dalam memperkasa institusi kekeluargaan yang menjadi tunjang kepada pembentukan masyarakat akat sejahtera.

“Inisiatif seperti kursus pra perkahwinan ini penting bagi memastikan setiap pasangan yang bakal mendirikan rumah tangga mempunyai asas ilmu yang mencukupi, seterusnya mampu membina keluarga yang sakinah, mawaddah dan rahmah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan majlis penutup kursus berkenaan yang berlangsung di Dewan Surau Hijau

Gua Ikan, Kampung Gua Ikan pada Selasa.

Kursus anjuran Jabatan Agama dan Hal Ehwal Islam Kelantan (JAHEIK) itu diadakan di lokasi yang sama selama dua gari bermula pada 30 dan 31 Mac lalu.

Menurut beliau yang juga mantan imam bertauliah, pembinaan institusi keluarga tidak hanya melibatkan penyatuan dua individu, sebaliknya merupakan asas kepada kesejahteraan masyarakat dan negeri secara keseluruhan.

“Ilmu yang diperoleh melalui kursus ini perlu diamalkan dalam

kehidupan berumahtangga agar pasangan lebih bersedia menghadapi cabaran serta tanggungjawab selepas perkahwinan,” katanya.

Beliau juga berpandangan, kursus tersebut memberi pendedahan menyeluruh merangkumi tanggungjawab suami isteri, pengurusan emosi, komunikasi berkesan serta pengukuhan kefahaman agama.

Tegasnya, kerajaan negeri melalui pelbagai agensi akan terus komited memperluas pelaksanaan program seumpama itu bagi memberi manfaat kepada lebih ramai bakal pengantin.

“Usaha ini akan terus diperkasa agar pasangan yang bakal melangkah ke alam perkahwinan benar-benar bersedia dari segi ilmu dan sahsiah,” ujarnya.

Beliau juga memaklumkan fasa kedua Kursus Pra Perkahwinan Islam peringkat DUN Dabong dijadualkan berlangsung pada Oktober 2026 bagi membuka peluang kepada lebih ramai pasangan menyertai program berkenaan.

# SPM 2025 Kelantan: Menilai dinamika kecemerlangan YIK dan aliran perdana dalam kerangka strategik negeri



Oleh: Norzana Razaly

Dalam landskap pendidikan negara yang sentiasa berkembang, keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 bagi Negeri Kelantan membuka ruang analisis yang menarik, khususnya apabila membandingkan prestasi sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) dengan sekolah aliran perdana di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Poster pencapaian rasmi yang dikeluarkan memaparkan angka yang menjadi cerminan kepada keberkesanan pendekatan pendidikan bersepadu yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri.

Secara keseluruhan, pencapaian SPM 2025 menunjukkan peningkatan yang konsisten di kedua-dua aliran. Bagi sekolah di bawah KPM, kadar kelulusan meningkat daripada 95.99 peratus pada tahun 2024 kepada 96.27 peratus pada 2025, melibatkan 19,727 calon berbanding 19,111 calon sebelumnya. Selain itu, sebanyak 421 calon berjaya memperoleh keputusan 9A, menandakan peningkatan dalam kelompok pelajar cemerlang.

Namun, yang lebih mencuri perhatian ialah prestasi sekolah di bawah YIK yang mencatatkan kadar kelulusan lebih tinggi iaitu 97.84 peratus pada 2025, meningkat daripada 97.50 peratus pada tahun sebelumnya. Dalam konteks ini, jurang sekitar 1.57 peratus berbanding sekolah aliran perdana signifikan apabila diukur dalam skala sistem pendidikan yang melibatkan ribuan pelajar.

Lebih menarik, sebanyak 261 pelajar YIK mencapai keputusan antara 9A hingga 12A, termasuk 92 pelajar yang memperoleh semua A dalam semua mata pelajaran. Pencapaian ini memperlihatkan bukan sahaja kadar lulus yang tinggi, bahkan kualiti kecemerlangan yang turut meningkat.

## Perbandingan struktur dan falsafah pendidikan

Perbezaan antara YIK dan sekolah aliran perdana tidak hanya terletak pada angka, tetapi juga pada struktur dan falsafah pendidikan. Sekolah aliran perdana beroperasi dalam kerangka nasional yang menekankan standardisasi kurikulum, kepelbagaian latar pelajar serta skala pengurusan yang besar.

Sebaliknya, YIK menggabungkan kurikulum akademik dengan pendidikan berteraskan nilai Islam secara lebih menyeluruh. Pendekatan ini melahirkan keseimbangan antara pencapaian intelektual dan pembinaan sahsiah, yang menjadi faktor penting dalam membentuk disiplin pelajar.

Dalam konteks ini, kejayaan YIK boleh ditafsirkan sebagai hasil daripada model pendidikan yang lebih terfokus, dengan nisbah perhatian guru kepada pelajar yang lebih dekat serta budaya pembelajaran yang menekankan adab, disiplin dan kesedaran spiritual.

## Lima inisiatif strategik pemangkin kecemerlangan

Peningkatan prestasi SPM 2025 bagi sekolah YIK bukan berlaku secara kebetulan, sebaliknya dipacu oleh pelaksanaan lima inisiatif strategik utama oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pejabat Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi.

Pertama, Program A+ Rabbani Bootcamp yang melibatkan kerjasama pelbagai institusi seperti Institut Latihan Darul Naim (ILDAN), UiTM Kelantan, IPG Kampus Kota Bharu dan lain-lain. Program ini menyasarkan pelajar terpilih dengan pendekatan intensif yang menggabungkan teknik menjawab soalan, motivasi serta pengukuhan sahsiah. Dengan penyertaan 100 pelajar, program ini berfungsi sebagai pemangkin kepada kelompok pelajar berpotensi tinggi.

Kedua, pengukuhan Program Tuisyen Rakyat Sejahtera Kelantan yang diperluaskan daripada satu kepada dua kelas bagi setiap 45 Dewan Undangan Negeri (DUN). Peningkatan peruntukan daripada RM10,000 kepada RM15,000 bagi setiap DUN menunjukkan komitmen kewangan yang lebih kukuh, sekali gus membolehkan lebih ramai pelajar mendapat akses kepada bimbingan tambahan.

Ketiga, pelaksanaan e-Tuisyen Rakyat Sejahtera Kelantan dengan kerjasama Telekom Malaysia dan YIK. Inisiatif ini melibatkan 1,896 pelajar di 52 sekolah terpilih, sekali gus memperluas capaian pendidikan digital terutama kepada pelajar di kawasan luar bandar.

Keempat, Seminar Kecemerlangan SPM Pendidikan Rabbani 2025 yang menghimpunkan ratusan pelajar melalui sesi berfokus yang menekankan teknik peperiksaan serta pembinaan motivasi diri. Program ini bukan sahaja memperkukuh aspek akademik, malah menyuntik keyakinan pelajar menjelang peperiksaan.

Kelima, pendekatan pendidikan bersepadu yang menggabungkan elemen akademik, sahsiah dan spiritual secara sistematik. Walaupun tidak berbentuk satu program khusus, pendekatan ini menjadi teras kepada semua inisiatif yang dilaksanakan.

Menurut Timbalan Exco Pendidikan Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Kamaruzaman Mohamad, semua inisiatif tersebut menunjukkan impak yang jelas terhadap peningkatan keputusan SPM 2025.

RENCANA

“Kita melihat lima inisiatif ini memberikan kesan signifikan terhadap kecemerlangan pelajar, sekali gus membuktikan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam memperkasa pendidikan YIK,” katanya selepas mengumumkan keputusan SPM 2025 bagi sekolah YIK di Bilik Mesyuarat YIK Tunjung pada Selasa.

**Analisis impak dan keberkesanan**

Dari sudut analisis, keberkesanan inisiatif ini boleh dilihat melalui beberapa indikator utama. Pertama, peningkatan kadar kelulusan yang konsisten menunjukkan bahawa intervensi yang dilaksanakan berjaya mengurangkan bilangan pelajar berisiko gagal.

Kedua, peningkatan jumlah pelajar cemerlang mencerminkan keberkesanan program berfokus seperti bootcamp dan seminar. Ketiga, penggunaan teknologi melalui e-tuisyen menunjukkan adaptasi sistem pendidikan YIK terhadap keperluan semasa.

Keempat, penglibatan pelbagai agensi dalam pelaksanaan program mencerminkan pendekatan kolaboratif yang memperkukuh ekosistem pendidikan. Kelima, kesinambungan program dari tahun ke tahun membolehkan impak jangka panjang yang lebih stabil.

**Jawapan anak Kelantan mendominasi IPTA**

Fenomena anak Kelantan yang mendominasi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan luar negara sering menjadi persoalan. Dalam konteks ini, keputusan SPM 2025 memberikan jawapan yang lebih empirikal.

Pertama, budaya pendidikan yang kuat dalam masyarakat Kelantan menjadikan ilmu dilihat sebagai jalan mobiliti sosial dan ibadah, menjadi faktor asas. Kedua, sistem pendidikan seperti YIK yang menekankan disiplin dan nilai mendorong pembentukan pelajar yang lebih fokus.

Ketiga, sokongan berterusan kerajaan negeri melalui pelbagai inisiatif memastikan pelajar tidak ketinggalan walaupun berdepan kekangan sumber. Manakala keempat, jaringan institusi pendidikan dan latihan yang luas membuka ruang kepada pelajar untuk berkembang. Kelima, daya tahan pelajar Kelantan yang terbentuk melalui cabaran persekitaran menjadikan mereka lebih kompetitif.

Dalam erti kata lain, dominasi ini hasil daripada ekosistem pendidikan yang tersusun dan berterusan bukannya fenomena kebetulan.

**Model pendidikan berdaya tahan**

Secara keseluruhan, keputusan SPM 2025 memperlihatkan bahawa Kelantan mampu mengekalkan prestasi pendidikan yang baik dan menunjukkan peningkatan yang konsisten. Perbandingan antara YIK dan sekolah aliran perdana memperlihatkan kelebihan model pendidikan bersepadu yang menggabungkan akademik dan nilai.

Lima inisiatif strategik yang dilaksanakan kerajaan negeri menjadi bukti bahawa perancangan yang tersusun, disokong oleh pelaksanaan yang efektif, mampu menghasilkan impak yang signifikan.

Dalam dunia yang semakin kompetitif, kejayaan ini memberikan mesej jelas bahawa pendidikan yang berteraskan nilai, disokong oleh strategi yang tepat, mampu melahirkan generasi cemerlang yang seimbang dari segi akademik dan sahsiah.

Pendek kata, Kelantan, dalam hal ini, bukan hanya mencatat angka, sebaliknya sedang membina sebuah model pendidikan yang berdaya tahan dan relevan untuk masa depan.



# FAM Trip perluas promosi pelancongan Kelantan ke pasaran Taiwan

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 1 April** — Program Familiarisation Trip (FAM Trip) melibatkan ejen pelancongan dari Taiwan anjuran Tourism Malaysia Taipei dengan kerjasama AirAsia adalah inisiatif strategik dalam memperluas promosi pelancongan Kelantan ke peringkat antarabangsa.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, program berkenaan membuka ruang kepada delegasi luar negara untuk menelusuri keunikan alam semula jadi, warisan budaya serta produk pelancongan tempatan yang menjadi identiti negeri.

Menurutnya, pendedahan secara langsung kepada tarikan pelancongan diyakini mampu meningkatkan daya tarikan Kelantan dalam



kalangan pelancong antarabangsa, khususnya dari Taiwan.

“Melalui program ini, para delegasi berpeluang melihat sendiri keindahan dan keunikan yang ditawarkan di Kelantan, sekali gus meningkatkan keyakinan mereka terhadap potensi industri pelancongan negeri,” katanya menerusi media sosial, pada Selasa.

Menurutnya, inisiatif seumpama itu turut mengukuhkan jaringan

kerjasama strategik antara pemain industri pelancongan tempatan dan antarabangsa serta memperluas kepercayaan pasaran luar terhadap potensi pelancongan Kelantan.

Dalam pada itu, beliau merakamkan penghargaan kepada semua delegasi yang sudi mengunjungi serta menjelajah negeri ini.

“Diharapkan lawatan ini bukan sahaja memberi pengalaman bermakna kepada para peserta, malah

membuka lebih banyak peluang kerjasama yang dapat memberi manfaat kepada industri pelancongan negeri pada masa hadapan,” ujarnya.

Terdahulu, beliau hadir dan menyampaikan ucapan pada majlis makan malam meraikan delegasi ejen pelancongan Taiwan sempena program FAM Trip ke Pantai Timur Malaysia di sebuah hotel di Kota Bharu, pada Isnin.



## Ketegangan AS–Iran: Dunia tidak boleh terus jadi pemerhati – YB Nik Bahrum



Oleh: Syamimi Manah

**KOTA DARULNAIM, 1 April** — Ketegangan antara Amerika Syarikat dan Iran yang semakin memuncak ketika ini menuntut pendirian lebih tegas daripada masyarakat antarabangsa, khususnya negara-negara Islam, agar tidak terus bersikap sebagai pemerhati semata-mata.

Timbalan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Nik Bahrum Nik Abdullah berkata, dunia kini berdepan situasi yang semakin tidak menentu apabila kuasa besar terus mencorakkan konflik, manakala negara lemah menanggung kesan berpanjangan.

Kenyataan itu disiarkan menerusi laman rasmi beliau pada 27 Mac sebagai reaksi terhadap laporan Bernama berhubung penangguhan serangan terhadap infrastruktur tenaga Iran sehingga 6 April.

Menurutnya, pendekatan berkecuali tanpa prinsip tidak lagi relevan dalam situasi semasa, malah boleh dianggap sebagai kegagalan dalam mempertahankan keadilan sejagat.

“Sudah tiba masanya negara-negara umat Islam dan semua yang benar-benar cintakan keamanan bersuara dengan lebih tegas. Bukan dengan retorik, tetapi dengan tindakan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan kehadiran pangkalan tentera asing di kawasan bergolak bukan penyelesaian, sebaliknya berpotensi memanjangkan konflik yang sedia ada.

“Jika kita serius tentang kedaulatan, maka campur tangan kuasa luar seperti ini tidak boleh lagi dinormalisasikan,” ujarnya.

Beliau yang juga pengamal undang-undang turut mengingatkan agar setiap negara tidak menjadi alat kepada agenda luar sehingga

menjejaskan kedaulatan sendiri, termasuk dalam penggunaan fasiliti strategik seperti pelabuhan, lapangan terbang dan ruang udara.

Selain itu, beliau menuntut supaya pihak yang mencetuskan peperangan dipertanggungjawabkan sepenuhnya terhadap kemusnahan dan kehilangan nyawa yang berlaku.

“Setiap nyawa yang hilang, setiap tanah yang musnah, semua itu ada harga dan mesti dibayar dengan tanggungjawab yang nyata,” jelasnya.

Mengulas aspek perpaduan, YB

Nik Bahrum menegaskan kelemahan utama dunia Islam bukan terletak pada kekurangan sumber, tetapi perpecahan sesama sendiri yang membuka ruang kepada campurtangan luar.

“Jika satu terluka, yang lain wajib bangkit. Bukan hanya sekadar kenyataan media, tetapi tindakan yang boleh dirasai,” ujarnya.

Tambahnya, walaupun tidak berada di medan perang, setiap pihak masih mempunyai peranan melalui suara, pendirian dan maruah dalam memastikan keadilan terus ditegakkan di peringkat global.



# Harga diesel RM6.02: Rakyat berhak dapat penjelasan menyeluruh- Speaker DUN Kelantan



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM**, 2 April — Speaker Dewan Negeri (DUN) Kelantan YB Dato' Sri Amar Diraja Dato' (Dr.) Mohd Amar Abdullah menegaskan rakyat berhak memperoleh penjelasan yang jelas dan menyeluruh berhubung kenaikan mendadak harga diesel di Semenanjung Malaysia yang mencecah RM6.02 seliter bagi minggu pertama April tahun ini.

Menurutnya, dalam tempoh hanya empat minggu, harga diesel dilaporkan meningkat hampir dua kali ganda berbanding paras awal pada Mac, sekali gus menimbulkan

kebimbangan dalam kalangan pelbagai sektor ekonomi.

“Kenaikan ini memberi kesan langsung kepada rantaian ekonomi, khususnya melibatkan nelayan, pengusaha logistik, sektor pertanian serta perniagaan kecil.

“Tekanan kos yang meningkat akhirnya akan dipindahkan kepada rakyat melalui kenaikan harga barangan harian,” katanya menerusi media sosial, pada Rabu.

Kerajaan sebelum ini memaklumkan bahawa lonjakan harga minyak mentah global serta gangguan bekalan produk bertapis menjadi antara faktor utama kenaikan harga tersebut.

Walau bagaimanapun, beliau berpandangan penjelasan itu masih belum mencukupi.

“Rakyat memerlukan gambaran penuh, termasuk kos sebenar yang ditanggung kerajaan, asas pengiraan harga mingguan serta langkah konkrit bagi menstabilkan bekalan diesel,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau mengakui pelaksanaan subsidi bersasar bagi petrol RON95 sedikit seban-

yak memberi kelegaan kepada pengguna.


Namun, menurutnya sebahagian besar pengguna diesel masih terdedah kepada turun naik harga pasaran pada kadar yang tinggi.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan agar bantuan sedia ada dinilai semula supaya lebih realistik dan selari dengan penggunaan sebenar di lapangan.

Tambahnya, peranan strategik Petroliam Nasional Berhad (Petro-

nas) juga wajar diperkukuh dalam situasi harga global yang meningkat bagi memastikan perlindungan lebih jelas kepada rakyat.

“Ketelusan dalam dasar harga serta keberanian membuat penyesuaian akan menentukan tahap keyakinan rakyat terhadap kerajaan. Rakyat memahami cabaran global, namun mereka juga berhak mendapat penjelasan lengkap dan tindakan yang meyakinkan,” tegasnya.



## Dua unit 'choley' bantu usahawan tani di Salor

Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA BHARU**, 2 April – Kerajaan Negeri Kelantan terus komited memperkasa sektor pertanian apabila dua unit kenderaan utiliti 'choley' diserahkan kepada penerima terpilih melalui Skim Pertanian Al-Falah yang menyasarkan peningkatan produktiviti golongan petani dan penternak dalam satu majlis di Pusat Khidmat DUN Salor, semalam.

Majlis penyerahan tersebut disempurnakan Ahli Dewan Negeri (ADN) Salor YB Mohd Saizol Ismail kepada dua penerima iaitu Wan Mohd Zahin Wan Yusof, 35, dari Kampung Binjai 2, Kedai Mulong dan Mohamad Rostam Mohd Yaacob, 32, dari Seberang Pasir Mas.

“Insyallah, moga-moga den-



gan sumbangan daripada Kerajaan Negeri ini di bawah Skim Pertanian Al-Falah, dapat membantu saudara-saudara kita dalam menjalankan aktiviti harian, khususnya dalam penternakan seperti mengangkut rumput, peralatan serta barangan pertanian termasuk hasil



padi,” katanya menerusi media sosial, pada Rabu.

Dalam pada itu, beliau yang mewakili pihak DUN Salor turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan atas keprihatinan berterusan dalam membantu rakyat mel-

alui pelbagai inisiatif kebajikan dan pembangunan ekonomi.

“Terima kasih diucapkan kepada pihak Kerajaan Negeri atas bantuan yang disalurkan kepada rakyat di DUN Salor. Semoga usaha ini terus diperkukuh demi kesejahteraan masyarakat,” katanya.

|        |        |             |
|--------|--------|-------------|
| RON95  | RM1.99 | KEKAL       |
| RON97  | RM3.87 | KEKAL       |
| DIESEL | RM4.95 | TURUN 20SEN |
| DIESEL | RM6.02 | NAIK 50SEN  |
| DIESEL | RM2.15 | KEKAL       |

Harga diesel RM6.02: Rakyat berhak dapat penjelasan menyeluruh - Speaker DUN Kelantan

## Kejayaan tidak hanya diukur melalui keputusan peperiksaan – Exco Sumber Manusia



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 2 April – Kejayaan seseorang pelajar tidak hanya diukur berdasarkan keputusan peperiksaan semata-mata, sebaliknya boleh dilihat melalui usaha, kecekalan dan keazaman

seseorang pelajar.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejar (B) Dato' Md Anizam Ab Rahman berkata demikian ketika merakamkan ucapan tahniah kepada semua pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025.

“Ingatlah bahawa kejayaan tidak hanya diukur melalui keputusan peperiksaan semata-mata, tetapi juga melalui usaha, kecekalan dan keazaman untuk terus maju,” katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Beliau turut menyeru pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang agar terus mengekalkan momentum kecemerlangan ke per-

ingkat seterusnya.

“Bagi yang memperoleh keputusan cemerlang, teruskan momentum kecemerlangan ini ke peringkat seterusnya.

“Manakala bagi yang belum mencapai apa yang diharapkan, jangan berputus asa,” ujarnya.

Menurutnya, keputusan yang diterima merupakan hasil usaha gigih, pengorbanan dan kesungguhan sepanjang tempoh pembelajaran, serta tetap mempunyai nilai tersendiri dalam perjalanan hidup setiap pelajar.

“Keputusan yang diperoleh hari ini adalah hasil daripada usaha gigih, pengorbanan, dan kesungguhan sepanjang tempoh pembelajaran. Sama ada keputusan yang

diterima menepati sasaran atau sebaliknya, setiap langkah yang diambil tetap mempunyai nilai dan makna tersendiri dalam perjalanan hidup,” katanya.

Tambahnya, kejayaan tersebut turut dikongsi bersama ibu bapa, guru serta semua pihak yang sentiasa memberi sokongan tanpa jemu sepanjang tempoh peperiksaan.

“Kejayaan ini bukan sahaja milik pelajar, tetapi turut dikongsi bersama ibu bapa, guru-guru dan semua yang sentiasa memberi sokongan tanpa jemu. Doa, dorongan dan bimbingan mereka menjadi kekuatan utama dalam menghadapi cabaran sepanjang tempoh peperiksaan,” katanya.

## Setiap DUN disaran tubuh koperasi, pacu ekonomi setempat

Oleh: Asri Hamat

PASIR PUTEH, 2 April - Semua Dewan Negeri (DUN) disaran menubuhkan koperasi masing-masing dalam usaha memperkukuh ekonomi setempat serta memanfaatkan potensi keusahawanan yang tersedia.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, mana-mana DUN yang belum mempunyai koperasi perlu mengambil langkah segera untuk menubuhkannya dalam masa terdekat.

Katanya, ketika ini terdapat Pusat Khidmat DUN (PKD) yang sudah memulakan langkah menubuhkan koperasi, namun masih ada yang belum berbuat demikian.

“Jadi, kita mahu semua DUN memastikan perkara ini dilaksanakan segera,” katanya ketika berucap merasmikan Seminar Keusahawanan dan Koperasi, anjuran Pusat Kajian Strategik (PKS) di Jeram Mengaji Agro Resort, Selisig di sini pada Rabu.



Beliau menjelaskan, setiap PKD mempunyai jentera yang besar dan berpotensi untuk menggerakkan penubuhan serta pengurusan koperasi secara berkesan.

Tambahnya, pelbagai peruntukan keusahawanan yang disalurkan melalui portfolio Exco boleh dimanfaatkan bagi menyokong pembangunan koperasi tersebut.

“Sebagai contoh, di bawah Portfolio Keusahawanan mempunyai peruntukan melebihi RM5 juta untuk pembangunan usahawan. Selain itu, terdapat juga dana khusus di bawah Portfolio Pertanian untuk pembangunan usahawan tani.

“Di bawah Exco Kebajik-



an, Pembangunan Keluarga dan Wanita serta Portfolio Belia juga terdapat pelbagai inisiatif serta peruntukan yang boleh digembleng bersama,” jelasnya.

Menurutnya, saranan supaya setiap DUN mewujudkan koperasi sebagai entiti ekonomi berasaskan komuniti yang boleh menyokong pelbagai aktiviti jentera di kawasan masing-masing.

“Setiap DUN mempunyai pelbagai unit dan jentera. Dengan adanya koperasi, kita bukan sahaja menasaskan peningkatan ekonomi dalam kalangan usahawan, tetapi juga menjana pendapatan kepada DUN secara keseluruhan,” katan-

ya.

Sementara itu, Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Mohamad dalam ucapan perasmian penutup berkata, antara peluang perniagaan paling mudah untuk diterokai koperasi ialah dalam bidang pembekalan, khususnya bagi projek pembangunan kerajaan.

“Pembekalan adalah ‘low hanging fruit’ kerana ia tidak memerlukan risiko tinggi, hanya perlu ada entiti dan sedikit modal permulaan. Jika koperasi DUN dapat memainkan peranan sebagai pembekal, keuntungan itu akan kembali kepada DUN sendiri,” ujarnya.

Beliau turut menegaskan bahawa kegagalan merebut peluang tersebut akan menyebabkan kerugian kepada DUN kerana manfaat ekonomi berkemungkinan dinikmati pihak luar.

Sehubungan itu, semua pihak diseru agar segera menggerakkan penubuhan koperasi di peringkat DUN sebagai langkah strategik memperkukuh ekonomi rakyat dan komuniti setempat.